

PERBANDINGAN ANTARA PERLAKSANAAN MODUL PENTAKSIRAN PBS (2005-2010) DENGAN PBS (2011-2025) DAN PENAMBAHBAIKAN DALAM PBS DI MALAYSIA

*Noriah Basid, Suhaida Abdul Kadir & Mohd. Ibrahim Nazri
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Pentaksiran Berasakan Sekolah merupakan pentaksiran yang ideal dalam pembentukan modal insan yang berfikiran. Individu yang berkemahiran dan berilmu mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan baik. Guru merupakan orang yang bertanggungjawab diperingkat sekolah dalam melahirkan individu yang mempunyai kemahiran. Justeru pemilihan strategi pengajaran yang tepat dan bersesuaian perlu dirancang bagi memastikan pentaksiran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kertas konsep ini membicarakan konsep pentaksiran yang merangkumi pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah yang bersesuaian dalam pengajaran. Selain itu dibincangkan juga perbezaan antara kedua pentaksiran. Hasil tinjauan literatur turut diketengahkan berkaitan pelaksanaan Pentaksiran Berasakan Sekolah melalui beberapa hasil kajian.

Kata kunci: Pentaksiran Berasakan Sekolah; strategi pembelajaran; penambahbaikan.

Pengenalan

Pentaksiran Berasakan Sekolah merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. Komponen PBS terdiri dari dua katogeri iaitu akademik dan bukan akademik seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Katogeri akademik terdiri Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala katogeri bukan akademik terdiri dari Pentaksiran Psikomotor (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua katogeri ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah.

Berbanding dengan matapelajaran lain, pentaksiran dalam subjek Kemahiran Hidup Bersepadu telah mula diperkenalkan pada tahun 2005 secara menyuruh dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dengan nisbah 60% peperiksaan bertulis dan 40% dalam bentuk modul Pentaksiran yang dijalankan selama 3 tahun pengajian di tingkata 1,2 dan 3. Perbezaan yang amat ketara dapat dilihat dalam pelaksanaan PBS ini, perbandingannya dapat ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Perbandingan antara Pentaksiran 2005 dan 2012

Nombor	Item	Pentaksiran 2005	Pentaksiran 2012
1	Format	Peperiksaan bertulis 60% Modul 40%	Pentaksiran sekolah Pentaksiran Pusat (tiada peperiksaan bertulis)
2	Tempoh masa Pentaksiran	3 tahun	3 tahun
3	Item	10 di tingkatan 1 20 di tingkatan 2 10 di tingkatan 3	43 di tingkatan 1 45 di tingkatan 2 40 di tingkatan 3
4	Bahan rujukan Dan panduan	Modul Pentaksiran KHB Oleh LPM	Buku panduan Pentaksiran Rujukan Standard oleh LPM
5	Gred	Cemerlang Kepujian Memuaskan Tidak menjalankan kerja kursus	Band 1 Band 2 Band 3 Band 4 Band 5 Band 6


6	Kemasukan data	Setiausaha PMR sekolah	Guru matapelajaran mengikut tahun semasa
7	Pemantauan	Sekali sahaja di tingkatan 3	Setiap tahun bagi setiap tingkatan
8	Sukatan	Rujuk buku teks KPM	Rujuk buku teks berdasarkan Diskrektif yang ingin dinilai
9	Eviden	Berdasarkan modul	Berdasarkan instrumen pentaksiran yang dibina.
10	Sistem fail	Fail induk Fail skor murid	Fail individu murid Fail show case Fail induk Fail skor kumulatif
11	Jawatankuasa induk	Pentadbir sekolah Guru kanan matapelajaran Panitia KHB	Pentadbir sekolah Guru kanan matapelajaran Guru cemerlang Jurulatih utama Panitia KHB
12	perlaksanaan	Peperiksaan oleh LPM Modul oleh guru matapelajaran	Pentaksiran pusat Pentaksiran sekolah Dikendalikan oleh guru
13	Tajuk	Meliputi tajuk tajuk tertentu sahaja	Melibatkan semua tajuk pengajaran

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia ,2012


Penambahbaikan dalam pelaksanaan PBS 2012 adalah

Peranan Pentaksir Sekolah

Pentaksir sekolah ialah komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana pentaksiran ini berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan dalam satu proses pembelajaran



Pentaksir sekolah mempunyai ciri-ciri Holistik, berterusan, Fleksible.



Standard Prestasi

Standard Prestasi merupakan satu pernyataan yang menerangkan tentang tahap- tahap penguasaan seseorang murid dalam sesuatu bidang atau matapelajaran yang dipelajari. Dalam satu tempoh masa pembelajaran, murid ditaksir berdasarkan penanda aras yang terdapat dalam standard

prestasi. Guru menggunakan standard prestasi sebagai rujukan untuk menentukan aktiviti pentaksiran yang dilaksanakan secara adil dan berfokus.

Standard prestasi juga menjadi sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan secara langsung dan tidak langsung seperti murid, guru, ibu bapa serta pihak yang berkepentingan untuk menunjukkan dengan jelas matlamat yang ingin di capai dalam system pendidikan.

Dengan menggunakan standard prestasi ,

1. Murid tahu dengan jelas apa yang perlu dikuasai atau dicapai, apa yang ditaksir dan kualiti yang diharapkan dalam sesuatu pentaksiran.
2. Guru tahu matlamat yang akan di capai dalam pendidikan murid di sekolah, apa yang ditaksir dan kualiti yang harus ada pada setiap murid.
3. Ibu bapa tahu apayang telah dikuasai atau dicapai oleh anak mereka selepas melalui satu proses pendidikan untuk satu tempoh masa yang tertentu.
4. Pihak yang berkepentingan tahu matlamat kurikulum dan kualiti murid yang melalui sistem pendidikan Negara.

Selain itu standard prestasi juga boleh dijadikan kayu ukur untuk menentukan tahap dan standard pendidikan Negara berbanding Negara lain.

Penggunaan standard prestasi dalam pentaksiran sekolah

Guru memilih tajuk dan merancang perkara yang akan diajar dengan memilih kandungan mata pelajaran yang terdapat dalam dokumen kurikulum. Guru akan menentukan kaedah pengajaran serta mengenalpasti kaedah pentaksiran. Guru menyediakan bahan-bahan pengajaran dan seterusnya menyampaikan kandungan mata pelajaran tersebut kepada murid dengan menggunakan pelbagai teknik dan strategi mengikut kreativiti guru. Guru seterusnya akan mentaksir tahap penguasaan murid tentang perkara yang diajar. Pentaksiran boleh dilaksanakan menggunakan pelbagai strategi dan instrument pentaksiran yang bersesuaian bagi perkara yang ditaksir berdasarkan DSP. Guru juga boleh melakukan pentaksiran secara formal atau tidak formal. Guru memilih standard prestasi murid, melaporkan prestasi murid berdasarkan eviden yang dikemukakan oleh murid, sama ada dalam bentuk proses, produk atau diri murid itu sendiri. Murid yang tidak menguasai standard yang ditetapkan akan menjalani sesi pemulihan untuk membimbing dan membantu murid tersebut dengan strategi yang sesuai. Murid yang menguasai standard kurikulum yang ditetapkan guru akan merekod dan melaporkan tahappenguasaan murid serta meneruskan pengajaran dan pembelajaran yang berikutnya berdasarkan pementakan dalam dokumen kurikulum. Guru akan memilih tajuk untuk pengajaran yang seterusnya.

Konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Satu konsep baru yang sedang diusahakan sekarang di Malaysia ialah kemahiran abad ke-21. Konsep ini membantu guru-guru yang terlibat dalam bidang teknik dan vokasional meningkatkan kemahiran abad ke-21 bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang berubah mengikut kitaran aplikasi teknologi abad ke-21. Di Malaysia kemahiran abad ke-21 terkandung dalam matlamat kurikulum kebangsaan iaitu untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Perkembangan dan pembangunan seseorang individu yang berkemahiran dipengaruhi oleh kualiti pendidikan yang diperoleh daripada guru-guru yang berkemahiran dan berpengetahuan. (Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM 2002).

Latihan Amali adalah satu proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami (Som dan Mohd. Dahalan, 2002).

Strategi pengajaran dalam pentaksiran

Strategi pengajaran merujuk kepada kebijaksanaan memilih pendekatan dan kecekapan seseorang guru merancang kaedah dan teknik bagi sesuatu pengajaran dengan berlandaskan objektif pelajar yang ditentukan (Mok, 2002). Strategi pengajaran diklasifikasikan kepada tiga


bentuk iaitu strategi pemusatan guru, strategi pemusatan pelajar dan strategi pemusatan bahan (KPM, 2002). Strategi pengajaran mampu memberi pengetahuan, kemahiran kognitif serta menerapkan nilai-nilai logik serta memupuk dan memperkembangkan kemahiran berfikir di kalangan pelajar. Strategi pengajaran dalam mata pelajaran teknik dan vokasional perlu menarik minat dan mencabar kebolehan pelajar. Kriteria ini amat penting untuk menjadikan pengajaran lebih bersifat inovatif dan kreatif dan akan mengembangkan minda pelajar.

Strategi pengajaran pemusatan guru menekankan peranan guru sebagai faktor terpenting dalam situasi pengajaran di mana guru bertindak sebagai penyampai dengan memberi penerangan dan pelajar bertindak sebagai pendengar yang pasif. Guru memainkan peranan utama menguasai dan mengawal segala aktiviti sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Guru menyediakan bahan sebagai instrumen, memberi bimbingan melalui sesi penerangan awal dan menyediakan pelajar dengan latihan yang kerap dan bertahap tinggi. Strategi pemusatan guru memberi tumpuan kepada guru, guru yang memonopoli percakapan dan aktiviti seperti kaedah syarahan atau kuliah. Jika tumpuan diberikan kepada pelajar seperti melibatkan pelajar untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, strategi ini dinamakan sebagai strategi pemusatan pelajar. Strategi pemusatan bahan pula mementingkan penggunaan bahan pelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Strategi berpusatkan pelajar menumpukan pelajar sebagai komponen utama dalam proses pendidikan dengan guru berperanan membantu seperti mendengar masalah pelajar, menggalakkan pelajar, melibatkan diri dalam aktiviti pelajar, sekolah dan masyarakat serta menyediakan persekitaran belajar untuk pelajar (Hisyamuddin 2010). Strategi pemusatan pelajar lebih bermakna dalam membina dan membentuk kebolehan pelajar dalam menggunakan konsep dan membentuk sikap yang positif, meningkatkan motivasi, membina perkembangan personal dan menggalakan kemahiran logik kumpulan.

Strategi pemusatan bahan menekankan peranan dan penggunaan bahan-bahan pelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru dan pelajar bergantung kepada penggunaan bahan untuk mencapai objektif pelajaran. Strategi ini amat berguna dalam menyediakan cara bagi pelajar mempelajari sesuatu mengikut kehendak sendiri, pada bila-bila masa, dimana mereka mahu dan menampung ketidakhadiran murid ke kelas.

Proses penjaminan kualiti Pentaksiran Berasaskan Sekolah



Rajah 2 – Proses penjaminan kualiti

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM 2012

Pentaksiran Berasaskan Sekolah melalui hasil kajian

Sesetengah sekolah hanya melaksanakan PBS bagi memenuhi kehendak kementerian sahaja. (Hamzah & Paramasivan, 2009). Perkara yang membebankan guru masa kini adalah kepuasan terhadap tugas, tingkahlaku, beban tugas dan tekanan. (Rice & Gartin, 2011). Persekitaran sekolah adalah suasana yang baik, mesra, tenteram dan cukup peralatan untuk pembelajaran (Halpin & Croft, 1963). Stress guru berpunca dari situasi kesan negatif dalam tekanan melaksanakan tugas yang berat dan kurang ketahanan diri guru (Kyriacou & Sutcliffe 1978). Menurut Fullan (1991) perubahan dalam pendidikan adalah bertujuan untuk membantu sekolah mencapai matlamat dengan lebih berkesan dengan cara menggantikan struktur program amalan dengan sesuatu yang lebih baik. Menurut Wan Zah Wan Ali (2006) komitmen guru terhadap sesuatu inovasi seperti PBS berkait rapat dengan sikap dan keyakinan guru serta penglibatan dalam aktiviti pengajaran.

Kesimpulan

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun mementingkan bidang pendidikan sains dan teknologi. Tanggungjawab guru adalah menyediakan pelajar menuju ke dunia pekerjaan yang penuh dengan cabaran. Sekiranya pelajar ingin berjaya dalam masa depan, pelajar perlu dibekalkan dengan strategik penilaian dan pentaksiran yang membolehkan mereka berfikir dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Rujukan

- Brooks, J. & Brooks, M. (1993). In Search of Understanding: The Case For Constructivist Classrooms. *Association For Supervision and Curriculum Development (ASCD)*.
Buku rujukan dan panduan PBS (KPM 2012).
Crane, T. (2007). *Learning for the 21st century*. Washington DC.
Ediger, M. (2009). Technical Education, the Work Place and the Student. *ATEA Journal*, 36(2), 18–19.
KPM. (2012). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025.
Lama, I., Sula, A., & Gjokutaj, M. (2011). Current Issues of Teachers. *Problems of Education in the 21st Century*, 32, 47–57.
Mok, S. S. (2002). *Pedagogi II: Strategi Pengajaran-Pembelajaran Mikro Persediaan untuk Pengajaran Praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
Zohrabi, M., Torabi, M. A., & Baybourdiani, P. (2012). Teacher-centered and / or Student-centered Learning: English Language in Iran. *English Language and Literature Studies*, 2(3), 18–31.